

TRANSKRIP TEMU BUAL PENJAGA 4

Yasmin, Verbatim Temubual Penjaga 4, Rumah Yasmin, (03.07.2013), (4:47)

1 **Y, TB, PG 4, RY, (03072013), (4:47)**

2 **Pengkaji**

3 Assalamualaikum, hari ini saya ingin menebul puan tentang Pendidikan Alam
4 Sekitar. Apakah yang puan faham tentang Pendidikan Alam Sekitar?

5 **Penjaga**

6 Walaikumsalam, pada saya Pendidikan Alam Sekitar ini adalah cara untuk kita
7 menghargai dan menjaga alam sekitar dari melakukan perkara-perkara yang
8 boleh merosakkan alam sekitar seperti membuang sampah merata-rata, membiarkan
9 air bertakung, menebang pokok-pokok dan sebagainya.

10 **Pengkaji**

11 Apakah pula penerapan Pendidikan Alam Sekitar?

12 **Penjaga**

13 Pada saya, penerapan alam sekitar ini adalah untuk **menanamkan** sikap yang baik
14 kepada anak-anak saya seperti bekerjasama, tolong-menolong dan mendedahkan
15 tentang kebaikan menjaga alam sekitar supaya keadaan alam sekitar kita dalam
16 keadaan yang baik.

17 **Pengkaji**

18 Bagaimanakah cara puan menerapkan pendidikan Alam Sekitar di kalangan
19 anak-anak?

20 **Penjaga**

21 Saya sering **memberikan amaran** kepada anak-anak saya supaya sentiasa
22 bekerjasama dan tidak membuang sampah merata-rata dan membuangnya di
23 kawasan yang disediakan seperti ke dalam tong sampah atau bakul sampah. Saya
24 juga sering **menerangkan** tentang kebaikan menjaga alam sekitar kepada anak-
25 anak saya supaya anak-anak saya mempunyai sikap yang positif seperti
26 Bertanggungjawab, melakukan perkara-perkara yang tidak boleh mencemarkan
27 alam sekitar.

28 **Pengkaji**

29 Apakah nilai-nilai murni yang puan terapkan kepada anak-anak dalam
30 menjaga alam sekitar?

31 **Penjaga**

32 Saya mendidik anak-anak saya, agar mempunyai sikap **mencintai alam sekitar**
33 supaya mereka akan terus menjaga alam sekitar dan dapat juga dapat menanamkan
34 sikap **bekerjasama** seperti semua anak-anak saya bergotong-royong membersihkan
35 kawasan rumah pada hujung minggu. Saya buat begitu kerana tidak mahu kawasan
36 rumah kami kotor. Kita pun sedia maklum, kawasan yang kotor boleh mendatangkan
37 penyakit. Kalau kita tidak sihat,**wang yang banyak pun tidak memberi erti**
38 dalam hidup kita.

39 **Pengkaji**

40 Apakah masalah yang tuan/puan hadapi semasa menerapkan Pendidikan Alam
41 Sekitar?

42 **Penjaga**

43 Masalah yang saya hadapi ialah sikap anak-anak saya yang tidak begitu berminat
44 dan tidak mahu bekerjasama tentang Pendidikan Alam Sekitar ini. Selain itu, saya
45 juga kurang pengetahuan tentang Pendidikan Alam Sekitar yang boleh me-

- 52 nyebabkan saya sukar untuk menerapkan pendidikan tersebut kepada anak
53 saya.